

01/11/1998

Malaysia perlu tambah eksport

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu menambahkan eksportnya untuk memperoleh lebih banyak lagi tukaran asing.

"Dengan banyak mata wang asing, kita tidak lagi digugat oleh orang lain," katanya.

Bercakap pada sesi dialog dengan pengguna pelabuhan mengenai penggunaan Pelabuhan Klang, Dr Mahathir berkata negara dijangka mempunyai pertukaran asing yang mencukupi.

"Kita memerlukan pertukaran asing kerana kini kita terpaksa membeli segalanya dalam mata wang asing," katanya.

Ini kerana ringgit tidak lagi boleh diniagakan di luar Malaysia sejak 1 Oktober tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata sebagai negara dagangan, Malaysia menikmati imbalan perdagangan sebanyak RM32 bilion bagi tempoh lapan bulan dari Januari tahun ini dan dengan wang itu negara boleh membeli mata wang asing bagi keperluan seperti untuk membayar import dan hutang.

(END)